

08 JUL 2001

Khalil-Taktik

MASALAH PAS-DAP TAKTIK MENJELANG PILIHAN RAYA KECIL

KUANTAN, 8 Julai (Bernama) -- Tindakan pemimpin PAS dan DAP yang menggambarkan seolah-olah wujudnya masalah antara kedua-dua parti pembangkang itu merupakan taktik yang dibuat menjelang pilihan raya kecil, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

"Jadi, kita kena berhati-hati kerana kadangkala pembangkang menggambarkan seolah-olah wujud perbezaan antara mereka untuk membuatkan pekerja Barisan Nasional (BN) lebih relaks," katanya kepada pemberita selepas merasmikan EG Computer Tech cawangan Kuantan, di sini.

Berdasarkan pemerhatiannya, Khalil berkata tindakan untuk menggambarkan banyak masalah dan wujudnya perbezaan antara kedua-dua parti itu akan dilakukan oleh pakatan pembangkang itu setelah hampir dengan mana-mana pilihan raya kecil.

Sebagai contoh, beliau berkata DAP yang mengatakan hendak memboikot kempen pilihan raya kecil di Lunas kerana wakil daripada parti itu tidak dinamakan sebagai calon sebenarnya bekerja lebih keras untuk memenangkan calon yang mewakili parti pembangkang.

"Ini mungkin juga nak mengabui pandangan BN supaya memikirkan bila pakatan pembangkang berpecah, mudahlah sikit BN berkempen. Kalaupun ada perbezaan antara kedua-dua parti itu tetapi ia dijadikan taktik yang menguntungkan seperti yang dibuat di Lunas dahulu," katanya.

Semasa ditanya mengenai hasrat PAS bertemu DAP bagi membincangkan soal penubuhan negara Islam, Khalil berkata semasa Umno ingin menghulurkan silaturrahim dengan PAS supaya boleh berbincang tentang perpaduan Melayu, pemimpin parti itu berdolak dalik.

"Selepas mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang ketiga, kita tidak mendapat sebarang gesture (isyarat) daripada PAS untuk meneruskan perjumpaan tetapi sebaliknya dia menawarkan untuk berjumpa DAP tanpa sebarang syarat," katanya.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, berkata terpulang kepada orang ramai untuk membuat tafsiran sendiri tetapi bagi Umno, ia merupakan suatu tindakan PAS bagi memenangi sokongan daripada bukan Melayu.

Semalam, Presiden PAS Datuk Fadzil Noor berkata parti itu akan menjelaskan isu tentang penubuhan negara Islam kepada DAP dan rakan-rakan lain dalam pakatan pembangkang pada satu mesyuarat esok.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang meminta BN mengubah pendekatannya bagi menarik perhatian generasi muda, Khalil berkata antara cadangan yang dikemukakan pada Konvensyen BN semalam ialah supaya konsep Puteri Umno diperluaskan di kalangan parti komponen BN.

"Mungkin parti komponen yang besar boleh mengadakan Puteri mereka sendiri dan kemudian diwujudkan satu badan penyelaras. Puteri sekarang ini mendapat sambutan yang baik dan parti-parti lain juga semalam mengemukakan mesti ada sesuatu untuk menarik minat generasi muda ini," katanya.

-- BERNAMA

ROS NAK